



Institut Penilaian Negara
SIARAN MEDIA

MAJLIS KONVOKESYEN INSPEN KE - 20

KAJANG, 20 NOVEMBER 2025 – Institut Penilaian Negara (INSPEN), di bawah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan menganjurkan Majlis Konvokesyen INSPEN ke - 20 bertempat di Dewan Jubli, INSPEN.

Majlis Konvokesyen INSPEN ini merupakan salah satu program utama jabatan yang diadakan bagi meraikan dan menghargai kejayaan pelajar-pelajar INSPEN yang telah menamatkan sesi pengajian mereka di INSPEN. Majlis istiadat ini melibatkan 95 orang graduan daripada tiga bidang pengajian iaitu Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT), Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT) dan Sijil Agensi Harta Tanah (CEA).

Majlis ini disempurnakan oleh YBr. Sr Abdul Razak Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Turut hadir ialah YBr. Sr Hj Mohd Nazri bin Ahmad Zahari, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik), YBr. Sr Basarudin bin Mohd Basir, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi), YBr. Sr Aina Edayu Ahmad, Pengarah INSPEN dan barisan ahli Lembaga Pengelola Akademik INSPEN.

Sebagai sebuah Institusi di bawah Kementerian Kewangan, INSPEN komited dalam memenuhi keperluan untuk membangunkan sumber daya manusia yang berilmu, berpengalaman, dan berkemahiran tinggi yang sepatutnya dimiliki oleh setiap pengamal profesional harta tanah.

Sejajar dengan usaha negara untuk membina keupayaan bersaing di peringkat global, kehadiran pelajar-pelajar ke INSPEN dengan pelbagai aktiviti latihan yang disediakan merupakan satu pelaburan pembelajaran sepanjang hayat.

INSPEN berharap untuk terus memainkan peranan dan tanggungjawab sebagai sebuah institusi perkhidmatan awam dalam bidang latihan, penyelidikan dan pendidikan yang dinamik, cemerlang dan terbilang dalam industri harta tanah, bukan setakat dalam negara malah juga di peringkat antarabangsa.

Pada majlis ini juga, pihak INSPEN turut meraikan kejayaan kembar empat iaitu **Abid Muttaqin bin Md Khairuddin, Adib Muttaqin bin Md Khairuddin, Amir Muttaqin bin Md Khairuddin dan Aniq Muttaqin bin Md Khairuddin** yang berjaya menamatkan pengajian dalam Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT).

Semoga kejayaan graduan dapat memicu pembangunan negara dalam bidang harta tanah sekaligus membantu menaikkan ekonomi negara ke tahap yang lebih baik. INSPEN juga berharap ilmu yang diperoleh oleh para graduan sepanjang berada di INSPEN dapat terus disebar luas dan digunakan untuk kemajuan diri dan negara.

Sekali lagi, tahniah pihak INSPEN ucapkan kepada semua 95 graduan yang berjaya menamatkan pengajian pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

Seksyen Korporat dan Perhubungan Awam
Institut Penilaian Negara
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan
Tel: 03 – 8911 8625/ 8640